



Pakej

Harga-harga di bawah berkuatkuasa 01 Disember 2016. Semua harga ini akan dikenakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) sebanyak 6%. Jumlah GST akan dimasukkan/dikira di dalam sebutharga dan invoice.

Jenis Penginapan	Dewasa (RM) Seorang / Sehari	Pelajar IPT (RM) Seorang / Sehari	Pelajar Sekolah (RM) Seorang / Sehari
<u>CHALET (4 ORANG PER CHALET)</u> 5 x makan • Dewan (P. A. sistem) • Surau • Wakaf • Kemudahan sukan & rekreasi • Kolam mandi.	75.00	66.00	66.00
<u>ASRAMA</u> 5 x makan • Dewan (P. A. sistem) • Surau • Wakaf • Kemudahan sukan & rekreasi • Kolam mandi.	68.00	60.00	51.00
<u>CHALET 'A' SHAPE</u> 5 x makan • Dewan (P. A. sistem) • Surau • Wakaf • Kemudahan sukan & rekreasi • Kolam mandi. TANPA BANTAL, TILAM & SELIMUT	52.00	49.00	47.00
<u>KHEMAH (3X MAKAN)</u> Khemah disediakan • 3 x makan (bungkus) • Dewan terbuka • Kolam mandi • Kemudahan elektrik & air • Wakaf • Kemudahan rekreasi.	45.00	43.00	41.00
<u>KHEMAH (TANPA MAKAN)</u> Khemah disediakan • Dewan terbuka • Wakaf • Kemudahan elektrik & air • • Kolam mandi • Kemudahan rekreasi. RM 70.00 sehari (sewa 2 dapur, 1 tong gas)	30.00	28.00	26.00

Tambahan (Pilihan)

- Harga chalet berbeza untuk seorang / 2 orang per chalet dan jumlahnya terhad. RM 150.00 seorang sehari untuk seorang per chalet dan RM 100.00 seorang sehari untuk dua orang per chalet.
- Khidmat pemandu arah/guide:
 - **Laluan Hutan** - RM 300.00 untuk 40 orang peserta (Trek 1 jam / 2 jam)
 - **Rentas Halangan** - RM 350.00 untuk 40 orang peserta
 - **Flying Fox** - RM 400.00 untuk 40 orang peserta
 - **Night Walk** (Sebelum 12.00 tgh mlm)- RM 400.00 untuk 40 orang peserta
 - **Night Flying Fox** (terhad kepada 40 orang per malam) – RM 500.00 untuk 40 orang peserta
 - **Sukan Air– Rakit** - RM 400.00 untuk 40 orang peserta
 - **Wall Climbing** - RM 17.00 seorang peserta dewasa & RM 14.00 seorang peserta pelajar
 - **Abseiling dan Repelling** - RM 20.00 seorang peserta dewasa & RM 17.00 seorang peserta pelajar
- BBQ – RM 11.00 seorang (20 orang ke atas)
- Sijil – RM 2.00 sekeping
- Set Karaoke – RM 350.00 semalam (disk VCD bawa sendiri)
- Perlindungan insurans bagi yang berminat – RM 6.00 seorang

* Tempahan hanya akan diproses setelah kami menerima surat tempahan rasmi. Pengesahan tempahan berkuatkuasa selepas pembayaran deposit 50% diterima (kecuali *Local Order*).

SYARAT-SYARAT PEMBAYARAN / TEMPAHAN

1. PENGESAHAN TEMPAHAN

Tempahan perlu dibuat sekurang-kurangnya sebulan sebelum tarikh program yang hendak dijalankan. **Surat** yang lengkap dengan maklumat tempahan mesti diserahkan ke pejabat tempahan.

2. TEMPOH MASA MENGGUNAKAN KEMUDAHAN BAGI SATU HARI

Tempoh masa yang dikira untuk menggunakan semua kemudahan di Dusun Eco Resort adalah **24 jam** iaitu 1 hari. Contohnya: check in – 10.00 pagi, check out – 10.00 pagi esok (1 hari). Jika tempoh masa yang diperlukan lebih daripada yang telah ditetapkan, **tambahan bayaran ½ hari** akan dikenakan.

3. DEPOSIT

Pengesahan tempahan berkuatkuasa hanya selepas bayaran deposit dijelaskan. Wang pendahuluan yang diperlukan adalah sebanyak **50%** daripada jumlah keseluruhan kecuali bayaran melalui Local Order (L/O). Deposit mesti dijelaskan paling lewat 2 minggu sebelum tarikh program. **Bayaran penuh akan dikenakan jika gagal menjelaskannya dalam tempoh masa yang ditetapkan.**

4. PEMBAYARAN

Semua bil / invoice hendaklah dijelaskan semasa pendaftaran (*check in*). Sebarang tambahan hendaklah dijelaskan sebelum *check out*. Bayaran hendaklah berbentuk tunai atau cek. Bagi agensi kerajaan yang menggunakan L/O atau pesanan tempatan, pegawai yang bertanggungjawab hendaklah menyerahkan L/O kepada pegawai kami pada hari pertama program bermula dan akan dipulangkan pada hari akhir program bagi proses pembayaran.

5. PEMBATALAN / PENANGGUHAN TEMPAHAN

Sebarang pembatalan / penangguhan hendaklah dimaklumkan selewat-lewatnya 7 hari sebelum tarikh program yang dijadualkan dan syarikat akan memulangkan semua wang pendahuluan. **Jika ia dilakukan dalam masa 7 hari, wang tidak akan dikembalikan.**

6. PENYEDIAAN SENARAI NAMA

Senarai nama peserta, guru / pegawai, urusetia dan fasilitator mesti disediakan sebelum masuk (*check-in*). Bilangan peserta yang hadir diperlukan oleh pihak kantin, dalam penyediaan invoice dan untuk tujuan keselamatan (polis).

7. KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN

Dewan seminar, sistem pembesar suara, TV, VCD player, flipchart, surau, kolam mandi, wakaf untuk istirehat, padang riadah, dewan makan dan kemudahan rekreasi.

8. KEBERSIHAN

Pelanggan mesti menjaga kebersihan bagi mengelakkan pencemaran alam sekitar. Pelanggan juga tidak dibenarkan melakukan pembakaran terbuka.

9. KESIHATAN

Pelanggan yang mempunyai masalah kesihatan digalakkan mendapatkan nasihat doktor terlebih dahulu bagi mengelakkan sebarang kemalangan semasa melakukan aktiviti lasak.

10. TANGGUNGJAWAB

Syarikat **tidak** akan bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan harta benda, kerosakan, kecederaan dan kemalangan yang berlaku. Pelanggan dinasihatkan menyimpan atau tidak membawa barang-barang berharga. Pelanggan mesti mendapatkan khidmat jurulatih yang bertauliah semasa menjalankan aktiviti luar dan bertanggungjawab mengambil P.A. insurans terhadap semua peserta sebelum menjalani program di Dusun Eco Resort untuk menjaga kepentingan mereka.

11. LAIN-LAIN

(i) Peralatan peribadi seperti tuala mandi, sabun mandi, tisu tandas dll. **tidak** disediakan.

(ii) LCD projektor dan alatulis seperti pen, kertas, kertas flipchart, marker pen dll. **tidak** disediakan.

(iii) Setelah selesai makan di dewan makan semua pelanggan diwajibkan membasuh pinggan dan cawan yang telah digunakan.

Hubungi Kami

Pejabat

No. 109-D (Tingkat 4), Jalan Sultan,
P.O. Box 10186,
50000 Kuala Lumpur

Telefon

03-20708720
03-20701110
012-3993448
012-3993449
012-3993453

Fax

03-20780811
03-20703723

E-mel

dusuneco2016@gmail.com
sales@dusuneco.com

Laman Web

www.dusuneco.com

Waktu Pejabat

9 am – 5 pm (Isnin – Jumaat)
9 am – 1 pm (Sabtu)

CONTOH SURAT TEMPAHAN – wajib dihantar untuk proses tempahan (melalui e-mel atau faks).

CONTOH 1: UNTUK JABATAN KERAJAAN, SYARIKAT SWASTA, SEKOLAH, INSTITUT PENGAJIAN TINGGI DAN PERSATUAN / KELAB

>>Letterhead Syarikat<<

Nama Syarikat, Alamat, No. Telefon & No. Faks

>>No. Rujukan<< (jika ada)

>>Tarikh<<

Dusun Eco Resort (2015) Sdn Bhd
109-D (Tingkat 4), Jalan Sultan,
P.O. Box 10186,
50000 Kuala Lumpur.

>>Tajuk<<contoh: **TEMPAHAN PENGINAPAN DI DUSUN ECO RESORT**

Merujuk perkara di atas, kami ingin membuat tempahan penginapan untuk latihan / program (nama program)

>>Tarikh<< : Tarikh dan masa check in & check out

>>Bilangan<< : Bilangan peserta, urusetia atau sesiapa yg terlibat

>>Tempahan<< : Jenis penginapan
Aktiviti outdoor yang dipilih
Tambahan-tambahan lain: cth. BBQ, sijil, insurans dll.

>>Catatan<< : Sebarang tambahan yang berkaitan

>>Cara bayaran<< : Nyatakan cara bayaran sama ada secara tunai, cek / Local Order (untuk jabatan kerajaan)

Sebarang pertanyaan / rujukan sila hubungi:

>>Nama pegawai yg bertanggungjawab & no. telefon<<

Kerjasama daripada pihak puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,

>>tandatangan<<

.....
NAMA & Jawatan

CONTOH 2: PERSENDIRIAN (KELUARGA)

>>Tarikh<<

>>Alamat<<

Dusun Eco Resort (2015) Sdn Bhd
109-D (Tingkat 4), Jalan Sultan,
P.O. Box 10186,
50000 Kuala Lumpur.

>>Tajuk<<contoh: **TEMPAHAN PENGINAPAN DI DUSUN ECO RESORT**

Merujuk perkara di atas, kami ingin membuat tempahan penginapan untuk program (nama program)

>>Tarikh<< : Tarikh dan masa check in & check out

>>Bilangan<< : Bilangan dewasa & kanak-kanak

>>Tempahan<< : Jenis penginapan
Aktiviti outdoor yang dipilih
Tambahan-tambahan lain: cth. BBQ, sijil, insurans dll.

>>Catatan<< : Sebarang tambahan yang berkaitan

>>Cara bayaran<< : Nyatakan cara bayaran sama ada secara tunai atau cek

Sebarang pertanyaan / rujukan sila hubungi:

>>Nama & no. telefon<<

Kerjasama daripada pihak puan amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

Yang Benar,

>>tandatangan<<

.....
NAMA